

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, October 30, 2018 12:05 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pemuda VI Bincang Tentang Hak Dan Memerangi Diskriminasi Terhadap Wanita



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

30 OKTOBER 2018 / 21 SAFAR 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Abdul Halim Husain

PEMUDA VI BINCANG TENTANG HAK DAN MEMERANGI DISKRIMINASI TERHADAP WANITA



UUM ONLINE: Dalam usaha memberi kesedaran tentang hak kaum wanita dalam kalangan pelajar, Persatuan Mahasiswa Undang-undang telah menganjurkan Persidangan Mahasiswa

Undang-undang (Pemuda VI) bertemakan '*Women's Right: Combating Discriminations Against Them*' di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen, hari ini.

Penasihat Undang-undang Negeri Kedah, Dato' Nor' Azura Mohamed Zohdi berkata, wanita kini bukan lagi hanya menjadi penerima manfaat sahaja, malah mereka kini turut bersama dalam proses pembangunan pesat negara dengan mempunyai peranan tersendiri dalam masyarakat.

Bagaimanapun, menurutnya, kesedaran tentang hak wanita masih lagi kurang, malah kaum tersebut turut didiskriminasi dalam pelbagai aspek.

Menurutnya, persidangan ini penting bukan sahaja untuk membincangkan isu hak wanita, malah menfokuskan kepada cabaran yang dihadapi kaum wanita termasuk kes keganasan domestik (rumah tangga), perlakuan jenayah dan kepimpinan serta cara memerangi unsur diskriminasi itu.

"Selain itu, persidangan ini juga memberi peluang kepada semua untuk membincangkan hak kesamarataan gender kerana mengikut peruntukan undang-undang, wanita berhak menikmati hak sama rata dengan lelaki dalam pelbagai aspek.

"Pembabitan wanita dalam membuat keputusan tidak hanya atas keprihatinan badan kehakiman atau demokrasi, tetapi ia telah menjadi salah satu elemen penting untuk menangani kepentingan kaum wanita.

"Di Kedah, kita masih belum mencapai 30 peratus pembuat keputusan dalam sektor awam dan swasta terdiri daripada wanita walaupun kedudukan wanita mencatatkan peningkatan," katanya ketika merasmikan Persidangan Mahasiswa Undang-undang (Pemuda VI).

Pada majlis sama, beliau turut melancarkan Tabung Bencana Palu dan Lombok di Indonesia bagi meringankan beban mangsa gempa bumi dan tsunami yang berlaku baru-baru ini.

Sementara itu, Dekan Pusat Pengajian Undang-undang, Prof. Madya Dr. Zainal Amin Ayub berkata, Pemuda VI penting sebagai platform untuk memberi pendedahan kepada pelajar khususnya tentang hak wanita dan cara perangai diskriminasi wanita yang akan dibincangkan bersama panel jemputan berpengalaman.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.